



Tun V.T. Sambanthan
(21 January 1956)

Sumber: Perpustakaan New Straits Times

Perpustakaan Universiti Malaya



A511137665

(P)

Isi Kandungan

Penghargaan	i	
Abstract	ii	
Senarai Gambar	iii	
Senarai Jadual	iv	
Senarai Peta	v	
Senarai Singkatan	vi	
Pendahuluan	vii - xx	
Bab : 1	Sejarah Kedatangan Dan Kegiatan Politik Orang India Di Tanah Melayu	1 - 18
Bab : 2	Zaman Awal Tun Sambanthan.	19 - 34
Bab : 3	Pemimpin Orang India Yang Menyumbang Ke Arah Pembinaan Negara Yang Baru Mencapai Kemerdekaan.	35 - 62
Bab : 4	Peranan Tun Sambanthan Dalam Meningkatkan Kedudukan Sosio-Ekonomi dan Politik Orang India	63 - 77
Bab : 5	Pengasas dan Penggerak National Land Finance Co-operative Society Atau NLFCS.	78 - 105
Bab : 6	Wakil Orang India Dalam Kerajaan Sebagai Menteri Buruh	106 - 129
Bab : 7	Pemimpin Masyarakat India Dalam Kerajaan Sebagai Menteri Kesihatan	130 - 144
Bab : 8	Pemimpin Orang India Dalam Kabinet Negara Sebagai Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi	145 - 167
Bab : 9	Pemimpin Orang India Dalam Kerajaan Sebagai Menteri Perpaduan	168 - 186
Bab : 10	Kejatuhan Tun Sambanthan dalam MIC	187 - 211
Kesimpulan		212 - 221
Bibliografi		222 - 238

Penghargaan

Dissertasi bertajuk **Tun V.T. Sambanthan:Peranannya dalam Politik dan Kemajuan Orang India di Malaysia.** disempurnakan dengan tunjuk-ajar dan nasihat penyelia saya, Profesor Datuk Dr. Ramlah Adam. Beliau telah melakukan penyeliaan yang begitu teliti sehingga terhasilnya biografi yang boleh memperkayakan lagi sejarah politik tanahair.Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada dorongan yang diberikan oleh beliau sehingga siapnya biografi ini.

Setinggi-tinggi penghargaan, saya merakamkan kepada pihak perpustakaan New Straits Times dan Arkib Negara yang telah memberikan kerjasama semasa melakukan kajian .Tidak lupa juga, diucapkan ribuan terimakasih kepada semua pihak yang telah membantu saya dalam menghasilkan biografi ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu , ahli keluarga dan sanak saudara yang telah banyak memberi semangat dan dorongan dalam menyiapkan dissertasi ini.

*Ummadevi a/p Suppiah .
Jabatan Sejarah.
Universiti Malaya.
2003*

ABSTRACT

This writing is a coverage of Tun Sambanthan's career from 1919 to 1979. It is about Tun Sambanthan's achievements and contributions toward the socio-economical and political upliftments of the Indian community in Malaysia. The research was mainly based on primary sources. Events which happened throughout Tun Sambanthan's political career of 19 years (1955-1974) have to be verified. This research has discovered many of Tun Sambanthan's achievements as the Minister of Labour, Minister of Health, Minister of Works, Post and Telecommunications and Minister of Unity. Many writings on Tun Sambanthan only talked on his achievements as the founder of the National Land Finance Co-operative Society Ltd (NLFCS). New coverage has now been given to his activities as President of MIC. Tun Sambanthan has been accused and criticized for not doing anything for the Indian community in Malaysia. Tun Sambanthan has been a political leader before the merdeka period and has worked diligently towards nation-building. Merely, he did not practise racism by looking into the welfare of the Indians but all the Malaysians benefited from his work. His ideas and energy were transmitted into the ministerial posts which he held and he has done a good job in developing the country which we identify as Malaysia today. This writing has also touched on the ups and downs which he has experienced as President of MIC. Lastly, Tun Sambanthan should also be considered as one of the pioneers who helped to build Malaysia as she is today.

Senarai Gambar

- Gambar 1: Tun Sambanthan bersama Puan Vijayalakshmi semasa upacara perasmian Sekolah Tamil Mahatma Gandhi, Sg. Siput, pada 14hb. Ogos 1954.
- Gambar 2: Perkahwinan Tun Sambanthan dengan Umasundari di Kuil Marianman, Muar, Johor, pada 21hb. Mei 1956.
- Gambar 3: Barisan Ahli Kabinet yang telah mengangkat sumpah di Istana Negara, pada 22hb. Ogos 1959.
- Gambar 4: Y.T.M Tengku Abdul Rahman Putra dan ahli-ahli rombongan Malaya ke London pada 9hb. Mei 1957.
- Gambar 5: Tengku Abdul Rahman sedang berucap di upacara menandatangani Perjanjian Malaysia pada 8hb. Julai 1963.
- Gambar 6: Tun Sambanthan sedang mengiringi Yang Di-Pertuan Agong semasa perasmian bangunan Parlimen pada tahun 1963.
- Gambar 7: Encik Tran Kim Phuong, wakil negara Republik Vietnam merasmikan panggilan STD dari Malaysia ke Vietnam pada 15hb. Januari 1963.
- Gambar 8: Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman Putra telah merasmikan pembukaan Sistem Kabel Komanwel Asia Tenggara atau SEACOM di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, pada 30hb. Mac 1967.
- Gambar 9 : Hakim Tan Sri Suffian sedang mengucapkan tahniah kepada Tun Sambanthan.

Senarai Jadual

- Jadual I : Jumlah penduduk estet di Malaysia mengikut komposisi kaum, 1921- 1957.
- Jadual II : Jumlah Buruh estet di Malaysia, mengikut komposisi kaum, 1921-1957.
- Jadual III : Populasi India di Tanah Melayu, 1921- 57.
- Jadual IV: Ladang-ladang Milik NLFCS (1960-71).

Senarai Peta

1. Taburan Penduduk India di Tanah Melayu, 1957.

Singkatan:

V.T.	- Veerasamy Thrunyana
NLFCS	- National Land Finance Co-operative Society
MIC	- Malayan Indian Congress
NST	- New Straits Times
CIAM	- Central Indian Association of Malaya
INA	- Indian National Army
IIL	- Indian Independence League
AMCJA	- All Malayan Council Joint Action
IMP	- Independence Malayan Party
Sg.	- sungai
T.M	- Tahun Masihi
S.M	- Sebelum Masihi
U.S.A	- United States of America
INTAN	- Institut Tadbiran Awam
STD	- Subscriber Trunk Dialling
SEACOM	- The Southeast Asia Commonwealth Cable Scheme
VHF	- Very High Frequency
MAGERAN	- Majlis Gerakan Rakyat
NUPW	- National Union Plantation of Workers

PENDAHULUAN

Persoalan Kajian

Bersesuaian dengan tajuk disertasi “Tun V.T. Sambanthan: Peranannya dalam politik dan kemajuan orang India di Malaysia”, persoalan utama yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah peranan yang dimainkan oleh Tun Sambanthan sebagai pemimpin orang India (Presiden MIC) dan wakil orang India dalam pentadbiran negara(menteri) dalam pembangunan politik dan kemajuan orang India di Malaysia. Turut dikaji ialah peranannya sebagai pengasas koperasi *NLFCS (National Land Finance Co-operative Society)*¹, dalam kemajuan bidang sosio-ekonomi orang India di Malaysia.

Skop Kajian

Kajian berfokus kepada peranan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC dan menteri dalam kerajaan Perikatan serta usaha-usahanya dalam pembangunan politik dan kemajuan orang India di Malaysia. Tempoh kajian tentang tokoh ini bermula daripada tahun 1919 hingga 1974. Tempoh ini merangkumi waktu kelahiran Tun Sambanthan

¹ Koperasi ini ditubuhkan untuk mengatasi masalah fragmentasi yang dihadapi oleh buruh estet di sekitar tahun 1960-an dan seterusnya. Ia bertujuan untuk membeli ladang yang dijual dalam unit-unit kecil.

hingga persaraannya daripada politik tanahair.² Pemilihan tempoh masa ini akan membolehkan penulis mengkaji peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam kehidupan Tun Sambanthan sejak zaman awal hingga kematiannya. Peristiwa – peristiwa penting yang dimaksudkan adalah lebih menjurus kepada penglibatan tokoh dalam politik tanahair sebagai Presiden MIC dan juga menteri kabinet dalam memajukan bidang politik dan sosio-ekonomi orang India di Malaysia.

Keseluruhan penulisan ini dibahagikan kepada 10 bab. Bab pertama akan memberi satu pengenalan kepada pengaruh orang India sejak abad pertama Masihi di rantau Asia Tenggara, khususnya di Malaya, kedatangan buruh India estet dan kegiatan politik orang India melalui persatuan-persatuan India sehingga pemilihan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC pada tahun 1955. Bab kedua akan memfokus kepada zaman awal tokoh yang merangkumi perbincangan utama mengenai penglibatan Tun Sambanthan dalam gerakan anti-penjajah semasa menuntut di Universiti Annamalai (India) yang telah mengasaskan semangat cintakan bangsa. Sekembalinya dari India beliau telah berusaha untuk mendirikan Sekolah Tamil Mahatma Gandhi bagi orang India yang tinggal di sekitar pekan Sg. Siput. Penulis cuba menyatakan bahawa kedua-dua peristiwa ini dapat memupuk sifat-sifat kepimpinan dalam diri Tun Sambanthan.

Bab ketiga akan menghuraikan peranan yang dimainkan oleh Tun Sambanthan sebagai pemimpin orang India dalam jentera pentadbiran negara untuk mengasaskan negara-bangsa Malaysia. Faktor-faktor pemilihan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC akan dibicarakan kerana jawatan ini yang melayakkan dirinya untuk mewakili orang

² Selepas pesaraannya daripada politik, beliau hanya meneruskan tugas sebagai Pengerusi NLFCS dan Badan Panel Perpaduan Negara. Selepas tahun 1974, beliau seringkali menghadapi gangguan kesihatan sehingga meninggal dunia pada tahun 1974.

India dalam pentadbiran negara Seterusnya dihuraikan penglibatannya dalam rundingan kemerdekaan, pembentukan Malaysia, pemisahan Singapura, pilihanraya-pilihanraya umum(1955-69), isu Bahasa Kebangsaan, taraf kerakyatan orang India dan isu perpaduan kaum. Bab keempat akan mengesan, pertama peranan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC dan kepimpinannya dalam parti MIC; kedua, memperincikan kegiatan sosio-ekonomi Tun Sambanthan sebagai pemimpin orang India. Dalam bab ini, akan dihalakan bagaimana Tun Sambanthan telah memperkukuhkan kedudukan politiknya melalui jawatan Presiden MIC. Bab kelima akan mengutarakan Tun Sambanthan sebagai pengasas dan penggerak NLFCS, sebuah koperasi yang ditubuhkan untuk memajukan taraf sosio-ekonomi buruh India di estet.

Bab enam hingga sembilan, akan membicarakan peranan Tun Sambanthan sebagai wakil orang India dalam pentadbiran negara dengan memegang jawatan Menteri Buruh (1955-57), Menteri Kesihatan (1957-59), Menteri Kerja, Pos dan Teleomunikasi (1969-701) dan Menteri Perpaduan Negara (1971-74). Dalam keempat-empat bab ini akan dikemukakan program-program yang dijalankan di bawah penyeliaannya. Dengan itu, pertama, dapat menggambarkan Tun Sambanthan sebagai tokoh pelapis pembangunan dan infrastruktur negara; keduanya, tokoh nasionalis yang mengutamakan pembangunan negara dan bangsa Malaysia; ketiganya, walaupun pembangunan nasional yang dirancang dan diusahakan oleh Tun Sambanthan ditujukan kepada keseluruhan rakyat Malaysia tetapi orang India turut mendapat manfaat.

Bab kesepuluh akan memperdalami faktor-faktor kejatuhan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC yang akhirnya membawa kepada pesaraannya daripada politik tanahair pada tahun 1974. Fokus akan diberi kepada konflik dalaman yang melanda parti

MIC sejak tahun 1955 dan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan ke atas kepimpinan Tun Sambanthan yang telah menjadi Presiden MIC selama 18 tahun.

Bab kesimpulan merupakan suatu penilaian dan pendirian penulis tentang sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC dan pemimpin kerajaan (menteri) dapat menyumbang kepada pembangunan politik dan kemajuan orang India di Malaysia.

Kepentingan Kajian dan Ulasan Buku

Matlamat utama penulisan ini adalah untuk menghasilkan satu biografi mengenai tokoh V.T. Sambanthan dalam Bahasa Malaysia. Penulisan tentang tokoh ini adalah suatu keperluan semasa kerana dalam masyarakat yang kaya dengan ilmu warisan, ia akan menambahkan satu lagi kajian sejarah politik bagi negara dan masyarakat India. Penulisan ini juga penting sebagai satu dokumen sejarah dalam menilai sejarah perkembangan sosio-politik masyarakat India bagi rujukan generasi akan datang.

Walaupun tema yang dipilih telah biasa dikaji tetapi penulis dapati masih ada beberapa aspek mengenai diri Tun Sambanthan yang harus diketengahkan. Perkara-perkara ini adalah seperti penyertaannya dalam gerakan 'Quit-India' (1946), pembinaan Sekolah Tamil Mahatma Gandhi, proses perlantikannya sebagai Presiden MIC pada tahun 1955, penglibatannya dalam peristiwa-peristiwa penting negara seperti menandatangani perjanjian penubuhan Malaysia, usahanya dalam mengubah fungsi

tabung *South Indian Labour Fund*³(SILF), usaha menerbitkan suratkhbar Inggeris *Malayan Times* dan keengganannya menyertai rundingan kemerdekaan dan krisis kepimpinan di kalangan pemimpin-pemimpin MIC.

Kajian dan penulisan tentang jawatan menteri yang dipegang oleh Tun Sambanthan dan sumbangannya adalah suatu usaha baru yang tidak pernah dibincang secara terperinci sebelum ini dan empat bab dalam disertasi ini telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Pendedahan ini dianggap penting bagi menilai pertikaian(kritikan) terhadap sumbangan Tun Sambanthan ke arah kemajuan politik dan sosio-ekonomi orang India di Malaysia. Usaha-usaha yang dilaksanakan sebagai seorang menteri adalah untuk menjaga kepentingan semua kaum; sudah tentu orang India turut mendapat manfaat. Beliau dan menteri-menteri lain mempunyai obligasi utama dalam mencorakkan pentadbiran negara yang baru mencapai kemerdekaan. Maka, penulisan bab-bab kementerian penting bagi membuktikan Tun Sambanthan adalah seorang tokoh politik bersifat nasionalis dan bukannya menjaga kepentingan orang India sahaja.

Sebelum ini, perkara-perkara yang disenaraikan di atas tidak pernah difokuskan dalam kajian ilmiah di peringkat universiti. Memandangkan tiadanya usaha sedemikian, tajuk ini dipilih berdasarkan 'literature review' yang dibuat ke atas penulisan tentang kepimpinan Tun Sambanthan. Ulasan buku adalah berdasarkan buku-buku ilmiah, koleksi artikel dan penulisan ilmiah oleh pelajar universiti.

Penulis akademik seperti Rajeswari Ampalavanar⁴, S. Arasaratnam⁵ dan G.Netto⁶, R. Selvaratnam⁷ dan sebagainya⁸ cuba menganalisis karier politik Tun Sambanthan

³ S.I.L.F ditubuhkan pada tahun 1908 oleh pengusaha-pengusaha ladang getah untuk menampung perbelanjaan pergi-balik buruh India ke India (tajuk ini akan dibincangkan dalam bab empat dan enam).

⁴Rajeswary Ampalavanar, *Politics and the Indian Community in West Malaysia and Singapore, 1947-57*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981.

secara kritis tetapi mereka sama sekali tidak memberikan sebab-sebab munasabah tentang sumbangan Tun Sambanthan yang kurang jelas terhadap orang India di Malaysia. Tambahan, penulisan mereka adalah secara keseluruhan tentang kepimpinan MIC sejak penubuhannya(1946) dan kepimpinan Tun Sambanthan disentuh sepintas lalu supaya dapat menggambarkan corak pimpinannya adalah sama dengan pemimpin-pemimpin sebelum dan tiada seorang pemimpin MIC pun pernah memberi sumbangan yang membanggakan terhadap orang India. Penulisan disertasi ini cuba mengisi kekurangan ini dengan mendedahkan bahawa sumbangan Tun Sambanthan adalah lebih jelas berbanding dengan pemimpin-pemimpin MIC lain.

Banyak penulisan tentang diri Tun Sambanthan boleh diperolehi dalam dua buah buku berbahasa Tamil. Buku bertajuk “**Makkal Nalvaalvukku Adikolia Maamanithar: Tun V. Thirunyana Sambanthan SSM, PMN,**” ditulis oleh abangnya, V. Meenatchi Sundram. Penulisan ini lebih merupakan koleksi memori abangnya untuk memberi pengenalan yang baik kepada diri Tun Sambanthan. Buku kedua adalah susunan Arunasalam, kawan karib Tun Sambanthan yang merupakan koleksi artikel dalam keratan akhbar (amat sedikit) yang pernah ditulis oleh mereka yang mengenali Tun Sambanthan. Buku ini berjudul “**Varalatril Oru Maamanithar**”. Kedua-dua buku ini telah memberi satu gambaran menyeluruh tentang kehidupan Tun Sambanthan dengan catatan amat ringkas tentang bidang tugas kementeriannya.

Rajeswary Ampalavanar, **The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945 – 57**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981.

⁵ S. Arasaratnam, **Indians in Malaysia and Singapore**, Oxford University, Kuala Lumpur, 1979.

⁶ G. Netto, **Indians in Malaya : Historical Facts and Figures**, Sinapore, 1961.

⁷ Selvaratnam Ramachandran, **Plantation Labour in Malaysia**, S. majeed & Co., Kuala Lumpur, 1994.

⁸ Buku-buku ilmiah lain yang menyentuh tentang bidang politik orang India adalah **Communalism and the Political Process in Malaya** oleh K.J. Ratnam (1965); **Government and Politics in Malaysia** oleh R.

Ternyata, walaupun ada penulisan tentang diri Tun Sambanthan sebelum disertasi ini tetapi terdapat banyak kekurangan. Kesemua penulisan sebelum ini adalah tidak lengkap kerana mereka tidak membincangkan portfolio Kementerian yang dipegang oleh Tun Sambanthan secara terperinci dan inilah yang cuba diperbaiki oleh penulis dalam disertasi ini. Penulisan mengenai bidang tugas kementerian Tun Sambanthan harus diberi perhatian kerana di bawah penyeliaannya banyak program dan projek bersifat nasional dirancang dan dilaksanakan. Di antaranya adalah pembinaan Hospital Bersalin Kuala Lumpur, projek telekomunikasi SEACOM⁹, COMSAT, pelancaran satelit pertama Malaysia, sistem tol pertama¹⁰, pengeluaran pelbagai corak setem, panggilan STD¹¹ ke luar negara, pengenalan matapelajaran Sivik dalam pendidikan negara (1970), permulaan kelas-kelas TABIKA dan KEMAS dan sebagainya. Tugas menteri daripada tahun 1955 (kabinet pertama) hingga 1970 adalah dianggap berat kerana tiada ramai kakitangan dalam sesebuah kementerian untuk membantu pemimpin-pemimpin kerajaan dalam perancangan infrastruktur negara. Tambahan, Tun Sambanthan merupakan menteri pertama dalam portfolio Buruh dan Jabatan Perpaduan.

Beberapa latihan ilmiah peringkat Ijazah Pertama juga dapat dirujuk bagi mengenalpasti kajian awal berkenaan diri Tun Sambanthan di peringkat universiti. Latihan ilmiah bertajuk “Peranan, Perjuangan dan Pencapaian Tun V.T. Sambanthan Antara Tahun 1955-78” yang ditulis oleh seorang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia bernama Rajagopal a/l Ponnusamy, lebih memfokuskan kepada kepimpinan dan

S. Milne (1967); dan *Malaysian Politics* oleh G. P. Means (1970) (Maklumat tentang Tun Sambanthan adalah amat sedikit kerana kesemua buku ini ditulis sebelum tahun 1970).

⁹ *South East Asia Communication* atau *SEACOM* adalah sistem kabel dasar laut yang telah memudahkan jaringan komunikasi antara negara-negara Asia Tenggara dengan negara Barat.

¹⁰ Lebuhraya pertama adalah dari Tanjung Malim ke Slim River.

¹¹ *STD* atau *Subscribers Trunk Dialling* adalah sistem panggilan terus tanpa bantuan telefonis.

sumbangan Tun Sambanthan dalam MIC; peranannya sebagai pengasas NLFCS dan tiada sebarang bab berasingan untuk menerangkan sumbangan Tun Sambanthan sebagai Menteri. Maka, ia tidak boleh dianggap satu penulisan lengkap tanpa meneliti karier beliau sebagai menteri. Terdapat satu latihan ilmiah berkenaan koperasi NLFCS yang bertajuk "Peranan NLFCS dan peranannya sejak penubuhan (1960-80)" oleh Sumathi V. Arumugam. Bagaimanapun ia hanya memfokuskan peranan Tun Sambanthan sebagai pengasas NLFCS. Saadiah bte Muhammad, seorang penuntut Maktab Perguruan, menghasilkan satu kertas kerja bertajuk "Kenali Negara Kita Melalui Ketokohan dan Kepimpinan: Tun V.T. Sambanthan" pada tahun 1987. Ia adalah satu tulisan yang ringkas dalam lingkungan 4 muka surat.

Dalam penulisan disertasi ini, penulis berusaha untuk mengkaji sumber primer supaya dapat menghasilkan satu penulisan yang lebih mantap tentang diri, karier politik dan kepimpinan Tun Sambanthan.

Methodologi dan Pemasalahan Sumber

Sumber Primer seperti akhbar telah banyak membantu dalam penghasilan disertasi ini. Boleh dikatakan inilah kali pertama sumber akhbar digunakan secara meluas untuk menulis tentang Tun Sambanthan. Sebelum ini, penulisan tentang tokoh ini hanya berdasarkan koleksi memori daripada mereka yang mengenalinya.

Dalam penyelidikan perpustakaan, sumber yang banyak membantu penulisan adalah akhbar **Straits Times** yang diperolehi dari perpustakaan **New Straits Times**. Akhbar **Berita Harian** juga ada merakamkan berita berkaitan dengan diri Tun

Sambanthan. Malangnya, perpustakaan New Straits Times hanya menyimpan beberapa keratan dalam satu fail. Manakala, keratan akhbar **Straits Times** adalah dalam bentuk mikrofilem dan tersusun rapi mengikut kronologi. Mereka juga menyimpan kesemua ucapan rasmi beliau sebagai menteri. Ia juga dalam bentuk mikrofilem. Dengan kemudahan ini, penulis telah mengumpul maklumat tentang Tun Sambanthan dengan begitu mudah. Pihak NST telah menjalankan satu tugas yang boleh membanggakan dan harus dicontohi oleh agensi-agensi lain dalam memelihara rekod-rekod lama yang merupakan khazanah penting bagi memperluaskan lagi sejarah tanahair negara. Akhbar **Tamil Murasu** dan **Tamil Nesan** diperolehi dari perpustakaan utama Universiti Malaya. Penulis telah banyak meluangkan masa untuk mencari dan membaca berita-berita berkaitan dengan tokoh kerana usaha mengkoleksikan belum dilaksanakan lagi. Arkib Negara pula dapat membekalkan akhbar-akhbar **Malayan Times**, **Sangamani**, **Desa Thootan**, **Malai Naadu** dan **Nagarigam**.

Hansard Dewan Rakyat dapat membantu penulis untuk mengetahui fakta tepat tentang sesuatu tugas Menteri. Sesi perbincangan Tun Sambanthan dalam parlimen adalah terkawal. Kebanyakan masa beliau dapat menerangkan persoalan-persoalan yang ditanya oleh ahli dewan dan tidak ada perbahasan hangat yang pernah dicatitkan. Jawapan beliau lebih merupakan keterangan mengenai bidang tugasnya. Beliau juga lebih gemar menjawab persoalan dalam Bahasa Inggeris. Koleksi buku-buku perbahasan parlimen telah diperolehi dari Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Undang-undang, Universiti Malaya.

Arkib Negara tidak mempunyai sebarang rekod tentang Tun Sambanthan kecuali dua pucuk 'Surat Persendirian Tun Sambanthan'. Sebenarnya ia tidak membantu

langsung dalam penulisan ini. Penulis terpaksa mengeluarkan fail-fail kerajaan yang berkaitan dan didapati banyak fail dilabel sulit walaupun sudah melebihi 20 tahun. Proses 'turun-taraf' telah mengambil masa yang lama dan tidak mengambilkira keperluan penulis. Bagaimanapun pihak Arkib mempunyai koleksi gambar Tun Sambanthan.

Kajian mengenai MIC agak menyulitkan penulis kerana tiada bahan yang diperolehi dari ibu pejabat MIC di Jalan Ipoh sepertimana yang diberitahu oleh Encik Asokan, pegawai Eksekutif MIC. Ibu pejabat MIC hanya menyimpan rekod era Tan Sri Manickavasagam dan selepasnya. Maklumat tentang era Tun Sambanthan dan sebelumnya diperolehi daripada latihan-latihan ilmiah, buku dan keratan akhbar.

Begitu juga penulisan bab NLFCS (Koperasi Pemodalan Tanah yang diasaskan oleh Tun Sambanthan) telah menimbulkan masalah apabila tiada rekod diperolehi daripada ibu pejabat NLFCS. Agak menyedihkan, pihak NLFCS tidak berinisiatif untuk membuat satu koleksi bahan tentang diri Tun Sambanthan. Selepas mendesak baharu Encik P.K. Samy, Pegawai Perhubungan Awam, NLFCS bersetuju untuk mencari dan menyerahkan majalah-majalah **Kootoravu** (majalah bulanan koperasi) yang banyak membantu penulisan mengenai NLFCS.

Dalam bidang kajian sejarah, sumber sekunder dianggap kurang penting sekiranya sumber primer sudah diperolehi. Dalam penulisan ini, buku-buku yang dirujuk adalah untuk mengukuhkan bagi huraian dan pentafsiran yang diselitkan bagi menggambarkan sesuatu peristiwa sejarah yang dilalui oleh Tun Sambanthan.

Sumber buku telah berfungsi untuk memberi latar belakang senario politik kepada penulisan ini. Antara buku-buku terpenting yang telah dirujuk ialah **The Indian Minority and Indians Political Change In Malaya 1945-47**, tulisan Rajesway

Ampalavanar; Arasaratnam, bukunya berjudul **Indians In Malaya and Singapore** dan buku George Netto bertajuk **Indians In Malaya**. Didapati buku-buku yang ditulis oleh Tengku Abdul Rahman tidak langsung menceritakan tentang Tun Sambanthan walaupun hubungan mereka agak rapat. Tengku hanya menyebut tentang etika kerja Tun Sambanthan dalam bukunya **Looking Back**. Sumber buku juga banyak dirujuk bagi mendapatkan latarbelakang peristiwa-peristiwa penting yang telah berlaku di Malaysia dari tahun 1955 hingga 1970.

Banyak latihan ilmiah yang berkaitan dengan sejarah perkembangan politik orang India dapat dirujuk di perpustakaan Jabatan Sejarah. Di antara yang terpenting ialah tulisan Muniretnam a/l Muniandy yang bertajuk 'Senario Politik MIC Dato Seri S.Samy Vellu', yang telah banyak memberi maklumat tentang tokoh-tokoh MIC dari tahun 1946 hingga 1955.

Temuramah atau *Oral History* kerap kali mencabar penulisan ilmiah kerana memori manusia dianggap sebagai sumber sejarah yang mudah lupus. Pengkaji sejarah tidak seharusnya terlalu bergantung kepada kaedah ini kerana kesahihan fakta selalu dicurigai. Walau bagaimanapun, cara ini mendatangkan kesan apabila individu yang ditemuramah sihat dari segi fizikal dan mental. Temuramah dengan ahli keluarga Tun Sambanthan turut membantu penghasilan biografi ini.

Bahagian temuramah adalah paling menyeronokkan. Ini telah memberi peluang kepada penulis untuk berjumpa dan berbincang tentang pengalaman beberapa orang yang mengenali diri Tun Sambanthan sebagai ahli keluarga, musuh ataupun kawan. Usaha untuk menemuramah orang-orang ternama seperti Tun Omar Ong Yoke Lin, Tan Sri Khir Johari, Tun Ghafar Baba dan Dato Seri Dr. S. Samy Vellu tidak dapat dilakukan atas

ditemuramah masih dapat memberi penjelasan yang baik tentang kedudukan sebenar Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC sejak tahun 1955. Walaupun beliau telah menentang Tun Sambanthan pada masa itu tetapi beliau mengaku Tun Sambanthan adalah seorang berhati mulia. Mereka hanya bermusuhan dalam politik sahaja.

Toh Puan Umasundari, isteri Tun Sambanthan banyak bekerjasama dalam memberi maklumat yang dikehendaki oleh penulis. Tetapi, beliau tidak dapat membekalkan dokumen-dokumen atau gambar yang berkaitan. Beliau tidak dapat mencarinya. Beliau telah berusaha untuk mendapatkan temujanji dengan Tan Sri Shamsuddin, Setiausaha Politik Tun Sambanthan, semasa beliau menjadi Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi. Ini gagal kerana Tan Sri Shamsuddin sibuk dengan urusan rasminya.

Lawatan ke Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja, dan Kementerian Sumber Manusia tidak mendatangkan hasil. Mereka tidak menyimpan sebarang rekod walaupun Tun Sambanthan pernah memegang portfolio dalam Kementerian tersebut. Begitu juga, lawatan ke Memorial Tengku Abdul Rahman tidak berfaedah apabila tiada rekod tentang diri Tun Sambanthan.

Penulis telahpun melawat pekan Sg.Siput tempat kelahiran Tun Sambanthan yang terletak lebih kurang 30km dari bandaraya Ipoh Utara. Penulis berkesempatan melihat rumah kediamannya daripada papan dan berbentuk senibina orang Melayu yang masih tersergam indah di Jalan Lintang, Sg. Siput. Adik-beradik Tun Sambanthan masih menetap di sini. Penulis juga berpeluang untuk menemuramah abangnya, Encik M. Sundram.

Penulis agak gembira dapat menghasilkan penulisan ini dengan bahan-bahan yang diperolehi. Cuma penulisan akan menjadi lebih menarik dan mantap sekiranya rekod-rekod rasmi seperti fail kerajaan dapat dirujuk. Rekod perlu dipelihara sebab ia umpama umpan untuk menangkap ikan. Sudah tentu kerisauan sebegitu tidak menggalakkan penulisan yang lengkap dan menyeluruh; namun ini tidak menghampakan penulis. Penulis terpaksa akur dengan prosedur jabatan kerajaan.

Penulis hanya kurang berpuashati dalam penulisan bab-bab berkaitan dengan kedudukannya sebagai Menteri, kerana maklumat yang ditulis adalah sangat ringkas. Kebanyakan sumber dalam bahagian ini telah diambil dari keratan akhbar, pamphlet ucapan dan perbahasan Parlimen. Penulis juga tidak boleh membuat huraian tambahan kerana ia lebih bersifat fakta. Namun, ini tidak mematahkan semangat penulis untuk terus menulis. Bagi portfolio Menteri Buruh dan Menteri Kesihatan (1955-59), hanya satu koleksi *Parliamentary debates – Legislative Council* diperolehi dan dirujuk. Sebab itu, banyak fakta telah digabungkan dengan sumber akhbar. Manakala, bagi portfolio Kerja, Pos dan Telekomunikasi dan Perpaduan banyak fakta didapati dari buku Perbahasan Parlimen, pamphlets, ucapan Tun Sambanthan dan keratan akhbar. Kedua-dua bidang tugas ini adalah baru dan program-program yang dilaksanakan oleh Tun Sambanthan sebagai menteri adalah untuk mengasaskan negara Malaysia yang mampu berdikari. Walaupun kenyatannya sedikit dan ringkas tetapi ia adalah penting untuk menyatakan sesuatu tentang Tun Sambanthan.

Dengan berpandukan kesabaran dan kesungguhan, penulisan biografi tentang Tun Sambanthan dapat dibuat. Penulisan tentang biografi Tun Sambanthan adalah sebagai satu usaha untuk memperkayakan lagi khazanah sejarah politik tanahair. Pada

masa yang sama dapat menambahkan lagi tulisan sejarah yang berkaitan dengan orang India dalam Bahasa Malaysia. Usaha sebegini perlu diteruskan agar generasi akan datang dapat menghayati corak kepimpinan sejak zaman merdeka lagi.